

# KENYATAAN SEBUTHARGA

## JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor/pembekal Pembangunan Hutan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah bidang kod yang berkaitan dan bertaraf Bumiputera serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang seperti butiran di bawah dengan pendaftaran masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk membuat tawaran harga bagi kerja-kerja berikut:

No. Sebutharga	Perkara	Syarat Pendaftaran	Maklumat Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Sebutharga
PHN.PHG. 53/2015 (PSNT)	Rawatan Memotong Akar/Pepanjat (CL) di Kompt. 250 & 255 dan Kompt. 239 di Hutan Simpan Ibam, Daerah Rompin Seluas Lebih Kurang 236.41 ha.	Kementerian Kewangan Bidang Kod 222105	Tarikh: 9 Julai 2015 (Khamis)  Masa: 8.30 pagi  Tempat Berkumpul: Stesen Petronas, Muazam	16 Julai 2015 (Khamis)  Masa: 12.00 tengahari

2. Kontraktor **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak pada tarikh tersebut dan dinasihatkan untuk menggunakan kenderaan pancuan empat roda (4x4) bagi tujuan lawatan tersebut. Hanya penama dalam lesen sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak. Wakil tidak dibenarkan bagi tujuan ini.

3. Borang-borang sebutharga boleh dibeli di **Pejabat Pembangunan Hutan, Bukit Sekilau, 25200 Kuantan** mulai **17 Julai 2015 (Jumaat)** dengan menyertakan **wang pos berharga RM20.00** yang dibuat atas nama "**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**". Bayaran secara wang tunai tidak akan diterima.

4. Kontraktor yang ingin membeli Borang Sebutharga dikehendaki membawa sijil asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Kontraktor Pembangunan Hutan** yang masih sah laku tempohnya.

5. Dimaklumkan juga bahawa kenyataan tawaran sebutharga tersebut boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang jabatan iaitu <http://forestry.pahang.gov.my>.

6. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dipenjurukan atas kiri sampul ditulis No. Sebutharga dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Pejabat Perhutanan Negeri dan mestilah dialamatkan kepada **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur**.

7. Tarikh tutup bagi sebutharga ini adalah pada **16 Julai 2015 (Khamis) jam 12.00 tengahari**. Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau tertinggi atau sebarang tawaran.

Dikeluarkan oleh:  
Unit Silvikultur Zon Timur  
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang  
(Bahagian Pembangunan)  
Bukit Sekilau,  
25200 Kuantan

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR  
2 Julai 2015**